



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2 petang, Sabtu 30 Disember 2023.

Untuk Terbitan Media

30 Disember 2023

SIARAN MEDIA

INSIDEN LIF: IBU, BAPA MENDIANG TERIMA FAEDAH PERKESO

ALERT: FAEDAH DISALUR SEPANJANG HAYAT IBU, BAPA MENDIANG

GEORGETOWN: Nasib keluarga pekerja teknikal yang maut ketika menyelenggara lif, Selasa lalu, terbela dengan mendapat dua faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Kejadian tragis yang mengorbankan R Tinesh Kumar dalam satu insiden di sebuah kompleks beli-belah, melayakkan waris kepada pemuda berusia 28 tahun itu menerima faedah caruman PERKESO menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata mendiang belum mendirikan rumah tangga, justeru faedah berkenaan akan diberikan kepada ibu dan bapanya, yang masing-masing berusia 51 serta 54 tahun.

“Semakan rekod caruman melayakkan waris mendiang R Tinesh untuk menerima bayaran berkala Faedah Orang Tanggungan (FOT), selain Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sehingga RM2,000 secara sekali bayar.

“Kedua-dua ibu dan bapa mendiang, R Saraswathi serta K Ramachandran akan menerima bayaran FOT untuk sepanjang hayat.

“Seluruh warga Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan PERKESO menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang. Semoga mereka tabah menghadapi dugaan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan Ziarah Prihatin di kediaman keluarga mendiang, di Taman Sri Pinang, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarah PERKESO Pulau Pinang, Rafidah Abdul Rahim.

Dalam perkembangan berkaitan, Steven Sim memaklumkan, PERKESO turut menyerahkan FOT dan FPM kepada waris keluarga pekerja kilang yang meninggal dunia rentetan insiden di tempat kerja, di Banting, Selangor, Rabu lalu.

Katanya, penelitian PERKESO terhadap kes kemalangan menyayat hati menimpa Nur Ahmad Yusoff Muei, mendapati pemuda berusia 22 tahun itu melapor diri sebagai pekerja sepenuh masa di sebuah kilang plastik pada 12 Disember lalu.

“Bagaimanapun, Nur Ahmad Yusoff yang mempunyai rekod caruman dan dilindungi menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), dilaporkan terjatuh dari ketinggian lebih 24 meter ketika melaksanakan kerja pembersihan.

“Sehubungan itu, balu arwah yang sedang sarat mengandung tujuh bulan layak menerima FOT dan FPM daripada PERKESO.

“Bayaran berkala FOT ini akan diberikan kepada isteri arwah untuk sepanjang hayatnya, manakala bayi dalam kandungan pula layak menerima manfaat sama selepas dilahirkan dan sehingga mencapai usia 21 tahun atau sehingga tamat pengajian ijazah pertama,” katanya.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*leaves no one behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

30 Disember 2023

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my